



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam grad/kelas dan kategori/pengkhususan/jenis pendaftaran/kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebutharga kerja yang berikut:

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GRD/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDJ.08/2020	BINA BARU LONGKANG DI MPKK GEYLANG SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Tiada taklimat sebutharga dan lawatan tapak dilakukan berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967.  Kontraktor akan dibekalkan maklumat berkaitan projek di laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu ( <a href="http://jelebu.ns.gov.my/">http://jelebu.ns.gov.my/</a> )	Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan	<b>15 JUN 2020 (Selasa)</b>  Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari
PDJ.10/2020	MENAIKTARAF DAN BAIKPULIH BALAI RAYA MPKK JERANG SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 B04 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		Tarikh : 09 JUN 2020 (Selasa) hingga 15 JUN 2020 (Isnin)	di  Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan
PDJ.11/2020	BAIK PULIH GELANGGANG FUTSAL MPKK TERBANG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		Masa: (Isnin – Khamis) 9.00 Pagi – 12.30 Tengah hari	
PDJ.12/2020	BAIK PULIH DAN NAIK TARAF BALAI RAYA KG GEYLANG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 B04 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		(Jumaat) 9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari	
PDJ.13/2020	BAIK PULIH GELANGGANG SEPAK TAKRAW MPKK KG FELCRA BELIA LAKAI DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)			

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GRD/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDJ.14/2020	BAIK PULIH SURAU KAMPUNG ULU KELAKA DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 B04 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Tiada taklimat sebutharga dan lawatan tapak dilakukan berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967.  Kontraktor akan dibekalkan maklumat berkaitan projek di laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu ( <a href="http://jelebu.ns.gov.my/">http://jelebu.ns.gov.my/</a> )	Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan	<b>15 JUN 2020 (Selasa)</b>  Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari
PDJ.15/2020	BAIK PULIH SURAU TELAGA MPKK PERADONG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 B04 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		Tarikh : 09 JUN 2020 (Selasa) hingga 15 JUN 2020 (Isnin)	di  Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan
PDJ.16/2020	BAIK PULIH DEWAN ORANG RAMAI BATU SERAMBAI DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 B04 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		Masa: (Isnin – Khamis) 9.00 Pagi – 12.30 Tengah hari	
PDJ.17/2020	BAIK PULIH DAN NAIK TARAF GELANGGANG FUTSAL MPKK CHENOR DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)		(Jumaat) 9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari	
PDJ.18/2020	BAIK PULIH DAN NAIK TARAF GELANGGANG FUTSAL MPKK LARONG PIANGGU MENKAN DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 CE21 (Daerah Jelebu)	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)			
PDJ.19/2020	BAIK PULIH MASJID MENTAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	G1 B04 DAN CE21 (Daerah Jelebu)	RM 50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)			

2. Untuk maksud ini kontraktor yang berminat untuk memperolehi borang sebut harga hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **SALINAN ASAL** item yang berikut :
  - i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB) , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
  - iii. Surat Kelulusan Berdaftar Nombor Kod Majikan PERKESO
  - iv. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
  - v. Sijil/Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)
  - vi. Kad Pengenalan
3. Hanya **penama** berdaftar dalam **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)** yang boleh memperolehi borang sebut harga. **Wakil adalah tidak dibenarkan dan surat wakil tidak akan diterima sama sekali.**
4. Pematuhan terhadap SOP Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan pembendungan penularan wabak Covid-19 adalah wajib dipraktikkan semasa urusan pembelian borang sebut harga seperti penggunaan hand sanitizer, topeng muka dan penjarakan sosial.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No.Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan dalam Peti Sebut Harga dalam alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
6. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebutharga tuan akan terjejas.
8. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian **06-6136311** pada waktu pejabat dari **pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang.**



(ABDUL RAHIM BIN A. AZIZ)  
Pegawai Daerah Jelebu  
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu

Tarikh: 01/06/2020